

0576

U 8172 BAH

UMNO - PENCEN

KUALA LUMPUR, 29 SEPT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGAJAI PERUNTUKAN YANG SEBABI DALAM PERLEMBAGAAN MENGENAI PENGURANGAN PENCEN KAKITANGAN AWAM, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA PERLEMBAGAAN YANG ADA SEKARANG MEMPUYAI PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG MENENTUKAN KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGURANGKAN PENCEN KAKITANGANNYA.

+SEBABNYA IALAH KERANA KITA TELAH TERJERAT DENGAN SISTEM YANG TELAH DITENTUKAN OLEH PENJAJAH BRITISH BAGI KEPENTINGAN MERKA SENDIRI SUPAYA PEGAWAI-PEGAWAI MERKA DULU TIDAK KEHILANGAN PENCENNYA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BERHENTI REHAT.

KATANYA ORANG-ORANG BRITISH TELAH MENASIHATI PENGGUBAL PERLEMBAGAAN NEGARA SUPAYA MEMASUKKAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN ITU DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA SEDANGKAN DI NEGARA MERKA SENDIRI SISTEM PENCEN ITU BOLEH DIKURANGKAN DAN DIMANSUHKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM PERUNTUKAN SEBABI PERLEMBAGAAN MALAYSIA, KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGURANGI SISTEM PENCEN YANG ADA. -- LAGI.

1418MST 29 09 85

UMNO - PENCEN 2 KUALA LUMPUR

+CONTOHNYA, PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN TELAH MENETAPKAN UMUR LAYAK PENCEN IALAH 55 TAHUN DAN IA ADALAH SESUAI DENGAN MASA DULU KERANA ORANG-ORANG YANG BERUMUR 55 TAHUN TELAH CUKUP TUA DAN SESUAI UNTUK PENCEN.

+SEDANGKAN DENGAN SEGALA BANTUAN PERUBATAN DAN TEKNOLOGI MODEN KINI PEGAWAI-PEGAWAI YANG MENCAPI UMUR 55 TAHUN, MASIH SIHAT DAN LAYAK UNTUK TERUS BERKHIDMAT DAN MALANGNYA MERKA TERPAKSA BERSARA.+

MENGENAI FAEDAH SAMPINGAN PERKHIDMATAN YANG DINIKMATI OLEH MENTERI-MENTERI, BELIAU MENGANGGAP FAEDAH YANG DIBERI ADALAH BIASA SAHAJA DAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN YANG LAIN JUGA TURUT DIBERI FAEDAH SESUAI DENGAN JAWATAN MERKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TIDAK WAJAR DIPERSOALKAN KERANA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN RAKAN-RAKAN SEJAWATAN MERKA DI NEGARA JIRAN, GAJI DAN FAEDAH SAMPINGAN YANG DIPEROLEHI JAUH LEBIH RENDAH.

+BAHKAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN GAJI DAN FAEDAH SAMPINGAN SAYA SENDIRI LEBIH RENDAH DARIPADA PENGARAH-PENGARAH EKSEKUTIF YANG SAYA LANTIK PADA SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN SEPERTI PETRONAS DAN MALAYAN BANKANG,+ JELAS BELIAU. - LAGI.

1422MST 29 09 85

UMNO - PENCEN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA DIBANDINGKAN SEGI SUSUNAN JAWATAN SEMEMANGNYA BELIAU LEBIH KANAN DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ITU SEDANGKAN SEGI GAJI DAN ELAUN, BELIAU MENDAPAT TIDAK SAMPAI 1/3 DARIPADA APA YANG DINIKMATI OLEH PENGARAH-PENGARAH ITU.

+MALAH ADA DI ANTARA MEREKA MENDAPAT HAMPPIR \$1 JUTA SETAHUN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA DALAM SKIM PERKHIDMATAN KERAJAAN KINI, PARA PEGAWAI RENDAH KERAJAAN LEBIH BERUNTUNG KERANA SKIM ITU MEMPERUNTUKKAN GAJI DAN KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA SEKTOR SWASTA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, INI BERLAINAN DARIPADA SKIM BAGI PARA PEGAWAI TINGGI YANG MENDAPAT GAJI LEBIH RENDAH DARIPADA RAKAN MEREKA DALAM SEKTOR SWASTA DAN KERANA ITULAH KERAJAAN BANYAK KEHILANGAN PEGAWAI CEKAP YANG MENYERTAI SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA UNTUK MEREKUT TAWARAN GAJI DAN FAEDAH YANG LEBIH MENARIK. -BERNAMA.

1424MST 29 09 85